



## **Siaran Akhbar**

### **TEKNOLOGI 5G BAKAL MEMPERTINGKATKAN KUALITI HIDUP RAKYAT DAN MENJANA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA**

- **5G dapat menghubungkan banyak peranti dan menyokong penggunaan aplikasi baharu secara lebih meluas**
- **Industri vertikal dapat memanfaatkan teknologi 5G, antaranya adalah penjagaan kesihatan, media dan hiburan, bandar pintar, automotif, pengilangan, keselamatan awam, pertanian dan pendidikan**
- **Malaysia merupakan antara negara terawal di rantau Asia yang bakal mempamerkan kegunaan dan manfaat teknologi 5G pada 18 April 2019**

**CYBERJAYA, 10 April 2019** --- Industri-industri vertikal yang dapat memanfaatkan teknologi 5G, antaranya automotif, bandar pintar, keselamatan awam, media dan hiburan, pertanian, pendidikan, pengilangan dan penjagaan kesihatan dijangka akan memberi impak positif bukan sahaja kepada ekonomi negara, bahkan juga kepada kualiti kehidupan rakyat di negara ini.

Ketua Pegawai Sektor Digital Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Gerard Lim Kim Meng berkata, dengan adanya kemudahan teknologi 5G yang akan menawarkan kelajuan data yang lebih pantas, rakyat kini berpeluang untuk menjalankan pelbagai kegiatan ekonomi dengan lebih berkesan sekaligus memberi nilai tambah kepada taraf hidup mereka.

Antaranya, kadar kependaman (latensi) serendah 1 milisaat memungkinkan sesi konsultasi dan pra-diagnosis melalui panggilan video dijalankan oleh para doktor pakar terhadap pesakit-pesakit yang berada jauh di kawasan luar bandar selain membantu dalam situasi kecemasan tanpa mengira lokasi masing-masing.

Pada masa yang sama, ujar Gerard, mesin robotik yang menggunakan komunikasi antara mesin, sensor dan kamera industri 4K berkelajuan tinggi juga dapat meningkatkan kecekapan dan kebolehan dalam operasi, terutamanya dalam sektor pengilangan melalui pembuatan pintar.

“Tidak ketinggalan juga, kereta dan bas pandu sendiri yang tidak pernah terlintas akan menjadi kenyataan dahulu, kini boleh direalisasikan. Semuanya dapat dijayakan dengan adanya gabungan teknologi 5G bersama sensor, kamera, radar dan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) yang membolehkan kenderaan bergerak sendiri tanpa kawalan manusia,” katanya.

Dalam aspek pertanian pula, 5G turut membolehkan dron digunakan untuk pertanian jitu (*precision farming*), serta pemetaan dan pemantauan digital bagi meningkatkan hasil pertanian dalam jangka waktu yang lebih singkat.

Bagi para pelajar, aktiviti pembelajaran di dalam bilik darjah akan menjadi lebih interaktif dan menyeronokkan dengan penggunaan simulasi (*immersive education*), kelas realiti maya dan kampus-kampus *Internet-of-Things* (IoT) pintar.

Dalam kalangan penduduk setempat pula, mereka bakal menerima manfaat dengan kewujudan Bandar Pintar dengan tersedianya capaian tanpa wayar tetap (*fixed wireless access* atau FWA) dan jalur lebar mudah alih tertingkat (*enhanced mobile broadband* atau eMBB). Capaian-capaian ini membolehkan para penduduk untuk menggunakan peranti seperti mesin basuh, televisyen dan pendingin hawa pintar yang boleh dikawal dari jarak jauh.

“Kesemua inisiatif yang dilaksanakan itu adalah selaras dengan aspirasi kerajaan untuk membawa perubahan dalam kehidupan rakyat, selaras dengan perkembangan teknologi masa kini,” tambah Gerard lagi.

Bagaimanapun, Gerard memaklumkan, teknologi 5G hanya akan dilancarkan dan digunakan secara komersial di negara ini menjelang 2021 atau 2022. Ini adalah berdasarkan kepada beberapa perkara yang

perlu ditambah baik seperti aspek standard, kawal selia dan rangkaian yang perlu dinaik taraf.

Bagi melihat sendiri kegunaan dan manfaat teknologi 5G dalam kehidupan seharian, Pameran 5G Malaysia akan diadakan di Kompleks Perbadanan Putrajaya yang bertemakan 'Progressing Humanity.' Majlis perasmian akan disempurnakan oleh Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 18 April 2019, manakala pameran akan dibuka kepada orang ramai pada 20 dan 21 April nanti.

5G merupakan rangkaian mudah alih generasi kelima iaitu teknologi baharu yang bakal menjanjikan prestasi yang lebih pantas dan baik, berupaya untuk menyokong lebih banyak peranti dan pengguna secara serentak; pada kadar kependaman yang rendah.

---

#### **Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)**

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (ASKMM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my) dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Nurhalili Nadia Mustapha Kamal  
Ketua, Jabatan Komunikasi Korporat

Markus Lim Han King  
Timbalan Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat

Tel: +603 8688 8000    Faks: +603 8688 1000    E-mel: [scd@mcmc.gov.my](mailto:scd@mcmc.gov.my)

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia** | Malaysian Communications and Multimedia Commission  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: [scd@mcmc.gov.my](mailto:scd@mcmc.gov.my) | W: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

